

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BIL 1/95

PINDAAN AM HASIL TANAH MILIK DI BAWAH SEKSYEN 101 KANUN TANAH NEGARA

Arahan ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan di dalam sidangnya pada 27.4.1994 telah menimbang Kertas Bil. 9/294/94 (41) dan bersetuju meluluskan penyemakan kadar baru cukai tanah bagi tanah milik untuk seluruh Negeri Kelantan.

2. Walaubagaimanapun Majlis Mesyuarat Kerajaan di dalam sidangnya bagi kali ke 26/94 telah membuat keputusan memberi "remission" ke atas kenaikan cukai tanah sehingga 31.12.95 bagi tanah-tanah yang didaftarkan atas nama orang perseorangan. Dengan demikian kadar baru bagi cukai tanah milik yang didaftarkan atas nama Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun dan Syarikat-Syarikat Swasta seperti Tenaga Nasional Berhad, Syarikat Telekom Malaysia, Pos Malaysia Berhad dan syarikat-syarikat swasta yang lain hendaklah dikenakan dan berkuatkuasa mulai 1.1.95.

3. Berikutan dengan pindaan cukai ini Pentadbir-Pentadbir Tanah hendaklah mengambil tindakan mengemaskinikan rekod cukai. Tindakan-tindakan yang harus diambil adalah sebagaimana berikut :-

<u>BIL</u>	<u>AKTIVITI-AKTIVITI YANG TERLIBAT</u>	<u>TINDAKAN</u>
i.	Cetak senarai cukai 1995	PTJ
ii.	Semak keluasan tanah, Syarat Nyata dengan Buku RDT (Pastikan keluasan tanah telah ditukarkan kepada Sistem Metrik)	PTJ
iii.	Kemaskini Rekod Cukai	PTJ
iv.	Program untuk mengubah cukai lama kepada cukai kadar baru (1995).	PTJ
v.	Cetak Senarai Cukai Kadar Baru 1995 untuk semakan dan endose ke dalam hakmilik.	PTJ

4. Pindaan cukai tersebut hendaklah dibuat catatan di dalam RDT sebagaimana berikut :-

"Cukai tanah dipinda menjadi RM..... menurut Seksyen 101 Kanun Tanah Negara 1965 mulai dari 1hb. Januari 1994 (W.K.Kn.P.U.12 bertarikh 21.7.94)".

.....
Tarikh:

.....
Pendaftar/Pentadbir Tanah

5. Pentadbir Tanah juga adalah diingatkan supaya mematuhi Pekeliling KPTG Bil.2/1994 semasa membuat pengiraan untuk penyemakan hasil tanah ini.

6. Dengan berkuatkuasanya pindaan ini juga tanah-tanah yang didaftarkan hakmilik mulai pada 1.1.95 hendaklah menggunakan kadar hasil baru.

Arahan Pengarah Tanah Dan Galian Kelantan Bil.7/83 adalah terbatas mulai pada 1.1.94.

t.t
(Khalid bin Kadir)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
KELANTAN

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU**

BERTARIKH : **17 SYAABAN 1415**
 19 JANUARI 1995

KEPADA :

Semua Pentadbir Tanah dan Jajahan, Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Tuan Guru Menteri Besar Kelantan
2. YB. Timbalan Menteri Besar Kelantan
(Tuan Haji Abdul Halim bin Abdul Rahman)
3. YB. Timbalan Menteri Besar Kelantan
(Tuan Haji Mohd. Rozali bin Isohak)
4. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan
5. YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YB. Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan
7. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
8. YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan
9. YBrs. Setiausaha Mesyuarat Kerajaan Kelantan

FAIL: P.T.G. KN.3183/JId.2(85)